



DR. MAHATHIR Mohamad memperkatakan sesuatu kepada Mahathir Mohamad sambil diperhatikan oleh Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ketika kedua-dua Mahathir itu diketemukan di kediaman bekas Perdana Menteri itu di The Mines, Seri Kembangan, Kuala Lumpur, semalam. — Gambar ABD. RAHMAN SALEH

# Impian Mahathir bertemu idola akhirnya tercapai

Um - 16/4/2013: 1 & 4

Oleh HAMDEN RAMLI dan FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 15 April — Setelah menanam harapan yang lama untuk bertemu idolanya hingga memaksa keluar dari desa dan menyeberangi Selat Melaka, akhirnya Mahathir bertemu dengan Tun Dr. Mahathir hari ini.

Impian anak yatim Mahathir Mohamad, 9, direalisasikan oleh *Utusan Malaysia* pada satu majlis sederhana tapi penuh makna bagi anak yang dahulunya comot di sebuah rumah asuhan anak-anak yatim di Sumatera.

Pertemuan dua insan dari dunia berbeza itu berlangsung dalam suasana penuh mesra dan turut dihadiri isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Mahathir, yang kelihatan segar mengenakan baju Melayu bersama samping song-

ket warna merah jambu tiba di kediaman Dr. Mahathir tepat pukul 4.20 petang, diiringi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd.

Turut mengiringi beliau Ketua Panti Asuhan Al-Wasliyah, Yoharmun Harefa dan wartawan *Utusan Malaysia* yang pertama bertemu Mahathir ketika di Pulau Nias, Sumatera, Syahril A. Kadir.

Mahathir kelihatan agak kaku apabila menatap wajah idolanya buat kali pertama. Mungkin masih terkejut dan tidak percaya bahawa idolanya kini berada di hadapan mata.

Dengan penuh hormat beliau bersalaman dengan Dr. Mahathir sebelum dipeluk seperti anak sendiri oleh Dr. Siti Hasmah yang nyata mengundung rasa syahdu di kalangan tetamu yang hadir.

Beliau yang kelihatan malu dan terkejut dengan kehadiran begitu ramai wakil me-

dia, lebih banyak mengganggu ketika diajukan soalan oleh Dr. Mahathir.

Sepanjang perbualan itu, media amat sukar untuk mendengar suara kanak-kanak itu, walaupun dipujuk berkali-kali.

Ketika ditanya perasaannya dapat bertemu idolanya, Mahathir menjawab ringkas: "Saya cukup senang (gembira)."

Bagaimanapun, Mahathir seakan-akan mendapat kekuatan untuk bercakap dengan kuat apabila diminta menyampaikan pesanan daripada rakan-rakannya di Panti Asuhan Al-Wasliyah kepada bekas Perdana Menteri Malaysia itu.

"Kami mahu bapak bantu bangunkan semula panti kami yang rosak teruk dan rakan-rakan juga berpesan supaya bawakan ole-ole apabila kembali ke panti nanti," katanya kepada Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir kemudiannya mengang-

# Impian Mahathir bertemu idolanya tercapai

guk-angguk sambil tersenyum tanda faham maksud isi hati serta harapan anak kecil itu.

Pada pertemuan itu, Dr. Mahathir sempat mengusik Mahathir mengenai jam baru yang dipakai oleh anak kecil itu selain menyampaikan nasihat.

"Yang penting, walaupun susah, tidak cukup makan, belajar mesti belajar. Hanya dengan itu kita boleh membaiki nasib ini," kata Dr. Mahathir sambil mengusap belakang anak kecil itu, tidak ubah seperti usapan seorang ayah kepada anak.

Dr. Mahathir ketika ditanya bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada Mahathir dan panti asuhan itu berkata, beliau percaya dengan tersebarnya berita ini banyak pihak akan tampil menghulurkan bantuan.

Ditanya kemungkinan mengambil Mahathir sebagai anak angkat, beliau berkata, pada masa ini tidak.

"Lagi pun kerajaan mereka tidak membenarkan. Tetapi, walaupun mereka tinggal di sana kita boleh bantu," katanya.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut menyampaikan sumbangan peribadi kira-kira RM1,200 (1 juta rupiah) kepada Mahathir, RM400 kepada Yoharmun dan RM1,000 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

Malah bekas Perdana Menteri itu berjanji untuk memberi bantuan lain khusus kepada panti asuhan tersebut.

Sebelum ke meja makan, Dr. Mahathir menandatangani buku *Sejuta Wajah* terbitan Kumpulan Utusan yang mengandungi gambar-gambar beliau untuk Mahathir.

Dalam buku itu Dr. Mahathir sekali lagi menyampaikan ingatan berbunyi seperti berikut: "Kepada Mahathir Mohamad, berusaha dan belajarlah untuk masa depan yang lebih cerah."

Sifat malu dan rendah diri

Mahathir sekali lagi terserlah apabila beliau agak keberatan untuk makan tosay menggunakan sudu dan garpu.

Namun semuanya kembali seperti sedia kala setelah diyakinkan oleh Dr. Mahathir bahawa beliau boleh menggunakan tangan.

Mahathir kemudiannya meminta diri untuk masuk semula ke dalam rumah bagi menunaikan solat Asar.

Pertemuan selama satu setengah jam itu berakhir dan kali ini Mahathir tidak lagi kaku untuk bersalam dan mencium tangan Dr. Mahathir dan Dr. Hasmah sambil mengucapkan selamat jalan kepada idolanya. Mungkin sudah selesa dan tidak lagi terkejut.

Ketika masuk di dalam kereta, kanak-kanak kecil yang tidak berdosa itu melambai-lambai kepada idolanya dan berharap satu hari nanti dia akan menjadi doktor dan mampu mengubah nasib negaranya.

## Perjalanan

Sementara itu, Khalid bersama-sama warga *Utusan Malaysia* yang banyak membantu perjalanan Mahathir ke negara ini bersyukur kerana dapat mempertemukan mereka.

"Bagi saya, inilah kemuncak perjalanan seorang anak yatim untuk bertemu dengan idolanya," kata beliau.

Pertemuan dua Mahathir ini bermula apabila Syahril bersama jurugambar *Utusan Malaysia*, Halim Khalid bertemu kanak-kanak ini yang meluahkan hasrat untuk bertemu bekas Perdana Menteri.

Kanak-kanak itu diberi nama Mahathir oleh bapa angkatnya yang kagum dengan kepimpinan Dr. Mahathir sehingga mendapat pengiktirafan dunia.